

06 JUN 2002

AS-Imam/I

TIADA PUSAT LATIHAN UNTUK LATIH IMAN DAN PEMIMPIN ISLAM DI AS

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Masyarakat Islam di Amerika Syarikat (AS) kini berhadapan dengan masalah besar kerana tidak memiliki institusi pendidikan Islam dan pusat bagi melatih iman dan pemimpin Islam, kata seorang cendekiawan Islam hari ini.

Professor Kajian Islam dan Hubungan Kristian-Islam Seminari Hartford, AS, Ibrahim M. Abu-Rabi berkata wujud keperluan yang semakin meningkat untuk melatih imam dan pemimpin Islam bagi memenuhi permintaan masyarakat Islam Amerika.

"Kami perlu melatih imam dan pemimpin Islam tidak sahaja di Pakistan dan Asia Selatan tetapi juga di Amerika yang dapat memahami konteks Amerika dan boleh menjadi pemimpin untuk masyarakat Islam Amerika," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan ceramah mengenai "Islam dan Barat" di sini hari ini.

Ceramah itu dianjurkan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) Malaysia.

Abu-Rabi berkata dalam konteks AS, imam dan pemimpin agama tidak sekadar perlu mengetahui bahasa Arab malah harus fasih dalam bahasa Inggeris bagi memahami kehendak masyarakat Islam terutama kanak-kanak dalam masyarakat Islam Amerika.

Tidak seperti masyarakat Kristian di AS yang mempunyai pusat-pusat dan institusi khusus untuk agama, katanya masyarakat Islam berhadapan dengan masalah mengenai cara untuk menubuhkan institusi pendidikan Islam bagi memenuhi kehendak masyarakat bagi meningkatkan pengetahuan mengenai Islam.

Abu-Rabi, yang mahir dalam kajian Islam, sejarah intelektual Arab Moden dan Islam, agama-agama di dunia dan sains politik berkata terdapat sekurang-kurangnya enam juta umat Islam di AS, termasuk pendatang Islam.

Mengenai pusat pendidikan Islam tradisional seperti madrasah di Asia Selatan yang dikaitkan dengan pengganas dan keganasan, beliau berkata pendidikan Islam tradisional dan kurikulum perlu diperbaharui bagi memenuhi kehendak dunia moden.

"Pendidikan Islam tradisional ini tidak mengikut era moden, perlu ada pembaharuan dalam kurikulum madrasah Islam tradisional bagi memenuhi era kontemporari dan inilah yang tidak diberi perhatian oleh pemimpin Islam, setakat ini," katanya.

Mengenai konflik yang semakin meningkat antara Palestin dan Israel, Abu-Rabi berkata konflik itu boleh diselesaikan dengan menubuhkan dua negara, satu untuk Palestin dan satu lagi untuk Israel.

Katanya melalui penyelesaian dua negara, rakyat Israel dan Palestin akan boleh menjalin hubungan diplomatik dan ekonomi.

"Ia merupakan perkara paling tragik melihat konflik (antara Israel dan Palestin) telah berlarutan sejak 1948 hingga sekarang," kata Abu-Rabi, yang dilahirkan di Nazareth, Israel.

Abu-Rabi juga ditanya mengenai pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Roman Katolik Pope John Paul II di Vatican City, esok.

"Saya rasa ia sangat menarik untuk mengadakan dialog Islam dan Katolik kerana Pope merupakan tokoh penting dalam masyarakat Roman Katolik.

"Ianya sesuatu yang sangat penting untuk umat Islam turut memahami Kristian," katanya.

-- BERNAMA

HS RZS LAT

